

66

Tempoh isi borang prestasi

Pendaftar - Prestasi

Telah Dihantar: 26 Disember 2010 12:25

Kepada: UUM - All Staff

MAKLUMAN URUSAN PENILAIAN PRESTASI 2010:

Adalah dimaklumkan bahawa jadual urusan penilaian prestasi bagi tahun 2010 adalah seperti berikut:

PYD/ PPP/PPK	TEMPOH	TINDAKAN
Pegawai Yang Dinilai (PYD)	Disember 2010	• Mengisi dengan lengkap semua maklumat yang diperlukan dalam borang masing-masing; • Sebelum klik butang hantar borang kepada PPP, sila semak semula semua maklumat yang diisi dalam borang bagi mengelakkan kesilapan; • Sebaiknya PYD berbincang bersama PPP tentang maklumat yang diisi dalam borang PYD.
Pegawai Penilai Pertama (PPP)	1-15 Jan 2011	• Membuat penilaian pertama ke atas semua borang PYD yang dihantar kepadanya; • PPP sewajarnya membuat penilaian dan ulasan mengenai prestasi PYD setelah membincangkannya bersama PYD, dan seterusnya membuat perakuan yang bersesuaian di borang PYD.
Pegawai Penilai Kedua (PPK)	16-31 Jan 2011	• Membuat penilaian kedua ke atas semua borang PYD yang dihantar oleh PPP kepadanya; • PPK sewajarnya memastikan bahawa penilaian pertama ke atas borang PYD dibuat hasil daripada perbincangan antara PPP dan PYD; • Perbezaan markah penilaian antara PPK dan PPP sewajarnya tidaklah terlalu ketara; • Sekiranya terdapat perbezaan markah yang sangat ketara, khususnya yang menyebabkan markah keseluruhan (purata) jatuh ke tahap yang tidak memuaskan, PPK hendaklah menyatakan secara bertulis alasan perbezaan itu dan memaklukkannya kepada PYD.

Sehubungan itu, mohon jasa baik semua PYD, PPP dan PPK untuk melengkapkan borang masing-masing mengikut tempoh seperti di atas.

Harap maklum.

URUSETIA PENILAIAN PRESTASI

JABATAN PENDAFTAR

TEL: 928 3086 FAKS: 928 3046/3852

EMEL: prestasi@uum.edu.my